



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
Y A Y A S A N  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	17 APRIL 2016



Tun Abdullah, Surin dan Osman (kanan) pada majlis pelancaran buku *Quranic Pictures of The Universe: The Scriptural Foundation of Islamic Cosmology* di Petaling Jaya, semalam. [FOTO SAIRIEN NAFIS/BH]

BH-17/4/2016

## Ilmu perlu dilihat dari semua sudut

» *Isi bahan bacaan tak pengaruhi seseorang: Dr Surin*

Oleh Nur Afiradina Arshad  
bhnew@bh.com.my

▀ Petaling Jaya

**K**andungan dalam bahan bacaan adalah satu daripada cabang pengetahuan dan tidak semestinya mempengaruhi seseorang dengan mudah, termasuk aspek pegangan agama.

Profesor Kehormat Pusat Pengajian Islam Sultan Omar Ali Saifuddin (SOASCIS), Tan Sri Dr Surin Pitsuwan, berkata ilmu perlu dilihat daripada pelbagai aspek dan tidak harus disempitkan skopnya hingga mengundang kekeliruan.

**Tak mudah terpengaruh**

"Kalau kita membaca sesuatu yang mengandungi unsur ajaran Syiah, ia bu-

kan bermakna kita akan terikut menjadi Syiah.

"Pandangan yang dikemukakan itu adalah perspektif individu tertentu dan tidak wajar mempengaruhi orang lain dengan mudah.

"Bahan bacaan adalah ilmu dan ia harus dilihat daripada banyak sudut," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas majlis pelancaran buku *Quranic Pictures of The Universe: The Scriptural Foundation of Islamic Cosmology* tulisan Pengerusi Islamic Book Trust (IBT), Prof Osman Bakar.

“**Pandangan yang dikemukakan itu adalah perspektif individu tertentu dan tidak wajar mempengaruhi orang lain dengan mudah**”

**Dr Surin Pitsuwan**,  
Profesor Kehormat Pusat  
Pengajian Islam Sultan  
Omar Ali Saifuddin  
(SOASCIS)

Yang turut dilancarkan ialah terjemahan lengkap empat jilid Ihya' 'Ulum Al-Din karya Imam Al-Ghazali oleh Abdullah Yusuf Ali yang terkenal sebagai penterjemah naskhah al-Quran ke dalam bahasa Inggeris.

**Paling tepat**

Terjemahan Abdullah diiktiraf sebagai paling tepat dalam memelihara maksud serta ketulenan bahasa Inggeris yang selari dengan kandungan al-Quran.

Majlis pelancaran disempurnakan oleh Pengerusi Institut Kajian Islam Antarabangsa Malaysia (IAIS), Tun Abdullah Ahmad Badawi.

Kedua-dua buku berkenaan diterbitkan oleh IBT.

Pitsuwan berkata, terjemahan naskhah ke dalam bahasa Inggeris akan membolehkan masyarakat memahami ilmu agama secara lebih mendalam, selain dapat mendidik jiwa mereka dengan pengisian kerohanian.

"Al-Quran jangan hanya dibaca, sebaliknya perlu difahami dan dihayati kandungannya bagi membolehkan kita mendalami ajaran Islam," katanya.